

16 JUN 1999

AMTEK-HARRODS

AMTEK BEKAL KEMEJA KEPADA HARRODS OF LONDON

Oleh: Amer Hamzah Mat Sap

PERAI, 16 Jun (Bernama) -- Amtek Holdings Bhd, pembuat jean denim James Dean dan Lee Cooper berlesen, akan menghantar konsainmen kemeja pertamanya kepada Harrods, gedung pakaian eksklusif di London, tempat keluarga diraja British membeli belah.

Pengarah urusan kumpulan, David Lai Kim Hean, berkata sebuah anak syarikat kumpulan itu akan membuat kemeja bernilai AS\$40,000 bagi pesanan yang diterima secara langsung daripada Harrods.

Sambil menyifatkan pesanan daripada Harrods itu sebagai bukti keupayaan Malaysia dalam mengeluarkan barangan bermutu, beliau berkata Amtek kini menikmati hasil penat lelahnya mempelbagaikan kegiatannya bagi menceburi pasaran eksport sejak awal tahun lalu.

"Kumpulan itu akan mengeksploitasi pasaran seberang laut melalui anak syarikatnya, Amtek International Sdn Bhd, yang baru ditubuhkan khusus untuk mempercepatkan eksport pakaian berkualiti," beliau memberitahu Bernama selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Harrods adalah milik keluarga Al-Fayed dari Mesir.

Amtek telah menandatangani perjanjian untuk membekalkan konsainmen kemeja kepada Harrods pada bulan April 1998 dan menerima pesanan awal tahun ini, setelah beberapa contoh dihantar.

Lai berkata walaupun pesanan Harrods tidak banyak menyumbang kepada perolehan segera syarikat itu, namun ia akan meraih pulangan positif dalam jangka panjang.

"Adalah diharapkan ini akan menjadi rangsangan psikologi kepada syarikat itu untuk mengeksport ke negara-negara lain," katanya, sambil menambah bahawa keluaran syarikat itu bermutu tinggi.

Menurut Lim Amtek International juga sedang berbincang dengan Harrods International untuk menubuhkan kedai-kedai francais yang dipanggil "Harrods World Shop" di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur International Airport di Sepang tahun depan.

Ini akan diikuti oleh sebuah kedai lagi di Kuala Lumpur City Centre, satu gagasan yang mulanya diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Lim juga berkata perbincangan tersebut kini hampir selesai dan pada prinsipnya satu perjanjian telahpun ditandatangani. Amtek dijangka melabur kira-kira RM2 juta dalam projek ini.

"Kami juga sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat tempatan yang berkaitan bagi membawa masuk rakan kongsi," katanya.

Mengenai pengeluaran pakaian jean, beliau berkata 20 peratus daripada jumlah pengeluaran boleh memenuhi keperluan pasaran eksport.

Selain Amerika Syarikat, syarikat itu kini sedang membangunkan pasaran di Eropah, iaitu di United Kingdom, Jerman dan Perancis.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1998, Amtek Holdings masih berupaya meraih keuntungan walaupun keuntungan sebelum cukainya merosot 25 peratus kepada RM7.5 juta dan perolehannya mengecil kepada RM63.3 juta.

Saham Amtek yang disenaraikan di Papan Kedua, ditutup tiga sen lebih tinggi pada RM1.87 di Bursa Saham Kuala Lumpur hari ini.

-- BERNAMA

AHM KY MA